

**PERATURAN SEKOLAH
SEKOLAH KEBANGSAAN AGAMA IBNU KHALDUN
SAMARAHAN.**



Fasal 1

WAKTU PERSEKOLAHAN

- 1.1 Semua murid mesti datang ke sekolah pada atau sebelum pukul 7.00 pagi.
- 1.2 Pada pukul 7.00 pagi, murid yang bertugas dalam kelas akan mula bertugas sementara murid yang tidak bertugas akan berada di dalam kelas untuk program waktu pagi.
- 1.3 Pada pukul 7.15 pagi, semua murid mesti berbaris di luar kelas masing-masing untuk menyanyikan lagu Negaraku diikuti bacaan surah lazim dan doa dengan pengawasan guru kelas. Selepas itu guru kelas akan mengambil kehadiran murid dan mencatatkannya dalam jadual kedatangan murid.
- 1.4 Pada pukul 7.30 pagi, sesi pengajaran dan pembelajaran formal akan bermula setiap hari (Isnin – Jumaat).
- 1.5 Pada hari Isnin-Khamis, semua murid Tahap Satu dan Tahap Dua balik pada pukul 1.30 petang. Manakala pada hari Jumaat, semua murid balik serentak pada pukul 11.30 pagi.
- 1.6 Setiap kali sebelum balik, semua murid akan berbaris di luar kelas masing-masing bersama guru dan membaca doa seterusnya menyanyikan lagu Ibu Pertiwiku. Setelah itu, murid bersurai dengan berjalan dalam barisan mengikut koridor kelas masing-masing menuju ke ruang legar pejabat am.
- 1.7 Bagi murid yang mengikut kelas KAFA, waktu bermula dan waktu balik mereka akan tertakluk kepada jadual kelas berkenaan yang akan dimaklumkan kepada ibu bapa melalui surat.

Fasal 2

TUGAS PAGI

- 2.1 Tugas pagi bermula 06.50 pagi dan melibatkan kebersihan di kawasan persekitaran sekolah dan di dalam bilik darjah.
- 2.2 Semua murid terlibat dengan tugas pagi mengikut kelas masing-masing berdasarkan jadual yang ditetapkan.
- 2.3 Murid yang bertugas mesti datang ke sekolah sebelum 06.50 pagi. Guru yang bertugas akan mengawasi kehadiran murid dan memastikan murid bertugas mengikut jadual bertugas dalam kelas dan juga jadual bertugas mengutip sampah yang ditetapkan.

Fasal 3

PERHIMPUNAN

- 3.1 Perhimpunan mingguan akan diadakan pada setiap hari Rabu pukul 7.15 pagi.
- 3.2 Pada pukul 7.10 pagi, semua murid mesti berbaris di luar kelas masing-masing sebelum berjalan dalam barisan menuju ke tapak perhimpunan dengan pengawasan guru.
- 3.3 Murid-murid dikehendaki berbaris mengikut kelas masing-masing dan berada dalam keadaan senyap.
- 3.4 Lagu Kebangsaan, Lagu Kebesaran Negeri dan Lagu Sekolah hendaklah dinyanyikan dengan penuh semangat. Selepas itu murid-murid akan membaca surah lazim (Hari Isnin).
- 3.5 Semasa ucapan/amanat yang disampaikan oleh Guru Besar/Penolong Kanan dan guru-guru murid-murid mestilah memberi perhatian sepenuhnya kepada apa yang disampaikan.
- 3.6 Selepas perhimpunan, murid-murid hendaklah bersurai mengikut barisan dan terus ke bilik darjah.

Fasal 4

MASA REHAT

- 4.1 Masa rehat Isnin hingga Jumaat, murid Tahap Satu 10.00 – 10.30, Tahap Dua 10.30 – 11.00 pagi.
- 4.2 Semua murid tidak dibenarkan berada di dalam kelas semasa waktu rehat.
- 4.3 Murid-murid tidak dibenarkan makan, minum dan sebagainya dalam kelas semasa waktu rehat.
- 4.4 Semua lampu dan kipas angin (jika dipasang) hendaklah dimatikan suisnya.
- 4.5 Murid-murid mestilah beratur semasa membeli makanan pada waktu rehat.
- 4.6 Murid-murid hanya dibenarkan membeli makanan dari kantin sekolah pada waktu rehat dan bukannya pada masa sebelum atau selepas waktu rehat.
- 4.7 Sampah sarap atau sisa makanan hendaklah dibuangkan ke dalam tong sampah.
- 4.8 Murid-murid hanya dibenarkan makan di dalam kawasan kantin sahaja.
- 4.9 Semasa waktu rehat murid-murid tidak dibenarkan berada di luar kawasan sekolah.
- 4.10 Murid-murid dilarang membeli barang-barang terutamanya makanan dan minuman daripada penjaja-penjaja di luar kawasan sekolah bagi tujuan keselamatan.
- 4.11 Murid-murid tidak dibenarkan berlari atau kejar-mengejar pada waktu rehat. Murid-murid dinasihatkan supaya menggunakan masa ini untuk berehat, makan, minum dan ke tandas untuk membasuh muka, tangan dan membuang air.

- 4.12 Apabila waktu rehat berakhir, murid-murid mesti berbaris di luar kelas masing-masing dan hanya dibenarkan masuk ke dalam kelas apabila guru yang mengajar waktu pertama selepas rehat mengarahkan berbuat demikian.

Fasal 5

PAKAIAN

- 5.1 Murid-murid mesti menggunakan pakaian seragam sekolah seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lelaki Baju putih, seluar panjang biru gelap, songkok hitam, bertali leher biru, tali pinggang biru gelap, kasut dan stokin putih.
- Perempuan Baju kurung putih belah sisi dan hujung lengan bergetah / berbutang, seluar panjang biru gelap, tudung putih, kasut dan stokin putih.
- 5.2 Pada hari Jumaat, semua murid lelaki mesti menggunakan baju Melayu berwarna putih dan bersamping biru gelap.
- 5.3 Tag nama/Lencana dan tali leher (lelaki) sekolah mestilah digunakan semasa menggunakan pakaian seragam sekolah.
- 5.4 Pakaian seragam sekolah mestilah digunakan semasa waktu sekolah dan perjumpaan-perjumpaan rasmi di dalam/di luar sekolah.
- 5.5 Semua murid hendaklah menggunakan pakaian yang sesuai untuk Pendidikan Jasmani.
- 5.6 Penggunaan selipar adalah dilarang kecuali atas sebab-sebab tertentu.
- 5.7 Semua murid tidak dibenarkan memakai barang-barang kemas.
- 5.8 Murid-murid perempuan tidak dibenarkan bersolek.

Fasal 6

KEBERSIHAN DIRI

- 6.1 Murid-murid mesti menjaga kebersihan diri semasa berada di sekolah.
- 6.2 Murid-murid lelaki dilarang menyimpan rambut panjang.
- 6.3 Murid-murid perempuan dinasihatkan supaya tidak menyimpan rambut melebihi paras bahu. Mereka yang berambut panjang hendaklah mengikat rambut supaya kelihatan kemas.
- 6.4 Pakaian seragam yang digunakan hendaklah berada dalam keadaan bersih.
- 6.5 Murid-murid tidak dibenarkan menyimpan kuku panjang.
- 6.6 Pihak sekolah akan melaksanakan pemeriksaan kebersihan diri murid-murid dari semasa ke semasa.

Fasal 7

MURID-MURID YANG TIDAK HADIR

- 7.1 Murid-murid yang tidak hadir ke sekolah hendaklah membawa surat daripada ibu bapa/penjaga atau surat akuan sakit doktor.
- 7.2 Jika murid tidak hadir 3 hari berturut-turut dan berita mengenainya tidak diterima oleh pihak sekolah, guru kelas akan melaporkan perkara ini kepada PK HEM untuk tindakan menghantar surat kepada ibu bapa/penjaga bagi memberitahu hal ini. Surat susulan kali kedua dan ketiga akan dihantar kepada ibu bapa jika ketidakhadiran murid masih berlaku.

Fasal 8

BILIK DARJAH

- 8.1 Bilik darjah mestilah sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur sepanjang waktu persekolahan.
- 8.2 Semua murid bertanggungjawab menjaga keselamatan kerusi dan meja yang dikhaskan untuknya.
- 8.3 Murid-murid tidak dibenarkan menggunakan kapur tulis dan menulis di papan tulis tanpa kebenaran daripada guru.
- 8.4 Murid-murid hendaklah menjaga kebersihan kelas masing-masing. Jadual giliran bertugas akan disediakan oleh guru kelas untuk memastikan kebersihan kelas.
- 8.5 Murid-murid yang bertugas menyapu lantai, mengelap tingkap, menyusun kerusi meja, memadam papan tulis, mengosongkan tong sampah mestilah melaksanakan tugas tersebut berdasarkan jadual bertugas yang telah ditetapkan.
- 8.6 Pemantauan kebersihan bilik darjah akan dijalankan oleh pihak sekolah dari semasa ke semasa.
- 8.7 Murid-murid tidak dibenarkan menggunakan meja dan kerusi guru.
- 8.8 Alat bantu mengajar dan hasil kerja murid yang dipamerkan hendaklah dijaga dengan baik.

Fasal 9

HARTA BENDA SEKOLAH

- 9.1 Harta benda dan perkakas sekolah tidak boleh digunakan sesuka hati tanpa mendapat kebenaran guru kelas atau guru yang menjaga perkakas tersebut.
- 9.2 Perkakas dan alat sekolah hendaklah digunakan dengan cermat serta dikembalikan dalam keadaan baik dan bersih ke tempat asal selepas setiap kali digunakan.
- 9.3 Buku Teks dan buku-buku perpustakaan hendaklah dijaga dengan rapi. Buku yang hilang atau rosak mestilah diganti dengan buku yang baru.

- 9.4 Peralatan lain seperti alat sukan dan permainan yang digunakan hendak dijaga dengan cermat.
- 9.5 Kerosakan harta benda sekolah oleh murid akan digantikan oleh murid yang melakukannya.

Fasal 10 TANDAS SEKOLAH

- 10.1 Tandas sekolah hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih. Tarik pam(flush) air selepas menggunakan tandas.
- 10.2 Murid-murid tidak dibenarkan membuat bising apabila menggunakan tandas.
- 10.3 Semua paip hendaklah ditutup selepas digunakan.
- 10.4 Murid-murid tidak dibenarkan membuang sampah di dalam mangkuk tandas

Fasal 11 MENINGGALKAN KAWASAN SEKOLAH

- 11.1 Murid-murid tidak dibenar keluar dari kawasan sekolah melainkan mendapat kebenaran Guru Besar/ Penolong Kanan Hal Ehwal Murid/Penolong Kanan.
- 11.2 Sebelum ibu bapa/penjaga membawa anak mereka pulang atas perkara yang penting, mereka mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Guru Besar/Penolong Kanan Hal Ehwal Murid/Penolong Kanan. Ibu bapa/penjaga murid yang membawa anaknya keluar dari kawasan sekolah mestilah menulis namanya dalam buku rekod yang disediakan.

Fasal 12 KEGIATAN KOKURIKULUM

- 12.1 Kegiatan kokurikulum adalah wajib untuk semua murid Tahap II (Tahun 4, 5 dan 6). Kegiatan ini dijalankan pada hari-hari tertentu (akan ditetapkan oleh pihak sekolah).
- 12.2 Murid-murid mestilah menggunakan pakaian yang sesuai untuk aktiviti kokurikulum yang terbabit.
- 12.3 Murid-murid yang tidak terlibat dengan apa-apa kegiatan, tidak dibenarkan datang ke sekolah pada sebelah petang kecuali atas arahan pihak sekolah.

Fasal 13 DISIPLIN (KELAKUAN AM)

- 13.1 Murid-murid hendaklah memberi hormat (ucap selamat pagi/petang/assalamualaikum) apabila guru atau pelawat masuk ke kelas.
- 13.2 Murid-murid mestilah memberi kerjasama kepada pengawas dan ketua darjah.

- 13.3 Sebelum masuk ke kelas, ketuk pintu dan minta kebenaran daripada guru yang berada di dalam kelas.
- 13.4 Jika hendak keluar kelas, murid-murid mestilah mendapat kebenaran guru.
- 13.5 Murid-murid tidak dibenarkan masuk ke kelas lain tanpa kebenaran guru.
- 13.6 Murid-murid tidak dibenarkan membuat bising di dalam kelas semasa ketiadaan guru.
- 13.7 Bergaduh/mengugut/mencuri adalah kesalahan besar. Tindakan disiplin akan diambil.
- 13.8 Murid-murid dilarang sama sekali untuk menconteng dinding sama ada di bilik darjah atau mana-mana di dalam dan di luar bangunan sekolah.
- 13.9 Murid-murid tidak dibenarkan membawa ke sekolah sebarang benda tajam dan berbahaya, barang kemas, alat mainan, kad-kad mainan, telefon bimbit, komik, majalah hiburan dan alat elektronik seperti 'Game Watch' dan radio.
- 13.10 Murid-murid tidak dibenarkan berlari atau kejar-mengejar di tempat letak kereta, koridor kelas, kawasan kantin dan tapak perhimpunan demi keselamatan diri sendiri.
- 13.11 Murid-murid harian hendaklah menunggu kenderaan di tempat yang telah ditetapkan.
- 13.12 Semasa berada di jalan raya, murid-murid mestilah mengutamakan keselamatan diri.
- 13.13 Penghuni asrama juga tertakluk kepada peraturan sekolah.
- 13.14 Murid-murid dilarang untuk mengadakan hubungan yang tidak diingini dengan murid-murid yang berlainan gender, mengeluarkan kata-kata kesat, lucah dan memaki hamun di antara satu sama lain.
- 13.15 Semua kerja rumah mesti disiapkan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh guru.
- 13.16 Murid-murid tidak dibenarkan berada di kawasan sekolah sekiranya tidak ada aktiviti rasmi dijalankan oleh murid berkenaan. Kehadiran murid tanpa tujuan akan mengganggu murid-murid lain yang sedang belajar.
- 13.17 Semua murid mesti mengikuti arahan Guru Besar, guru-guru dan pengawas dari semasa ke semasa.
- 13.18 Semua murid mesti mematuhi peraturan sekolah.
- 13.19 Murid-murid yang melanggar peraturan sekolah akan dikenakan tindakan disiplin.